

Mahathir bidas ahli Umno yang menentang di luar

KELANG, Ahad. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, hari ini membidas ahli-ahli UMNO yang "lari" keluar parti untuk menentang dari luar, bila pendiriannya tidak mendapat persetujuan anggota lain.

Sepatutnya, kata beliau, mereka berusaha dari dalam parti melalui perundingan secara demokrasi, supaya orang-orang yang tidak faham pendapat mereka akan menerima pendapat itu.

Beliau berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Bahagian Pelabuan Kelang yang dihadiri lebih 200 wakil 29 Bahagian di Dewan Hamzah pagi ini.

Beliau menegaskan ahli-ahli UMNO perlu tenang menghadapi apa juga krisis dalam parti dan hanya bertindak mengikut perlembagaan, bukan didorong oleh nafsu dan perasaan.

Katanya, hanya dengan mematuhi perlembagaan

Oleh 'ROHANI PA' WAN CHIK

dapat UMNO mengatasi sebarang kesultitan dan walaupun ada pertengkaran dalam parti persetujuan akan tercapai.

Menurutnya pegangan kepada prinsip ini telah menjayakan UMNO dan UMNO akan terus utuh walaupun menghadapi berbagai pergolakan jika pegangan itu dikekalkan.

Dr. Mahathir berkata UMNO tidak mampu berpecah-belah kerana akibatnya nanti bukan saja pada anggota UMNO dan orang-orang Melayu tetapi juga kepada negara kerana ia teras Kerajaan.

Segala tindak-tanduk dalam UMNO, katanya, akan menentukan keadaan dan nasib rakyat seluruhnya.

Dr. Mahathir berkata, setengah orang berpendapat bahawa kejayaan negara disebabkan amalan sistem demokrasi.

Katanya, sistem itu tidak akan berjaya jika manusia yang menggunakannya tidak memahami sistem itu sendiri dan cara-cara betul melaksanakannya.

Beliau menegaskan UMNO satu-satunya parti politik yang telah menentukan kekuatan demokrasi di negara ini dan "Kalau tidak ada UMNO tidak ada demokrasi di negara ini."

Katanya, UMNO bukan parti yang tamakkan kuasa tetapi memenuhi janji-janjinya untuk mengekalkan pemerintahan demokrasi dan mengajak parti-parti lain menyertainya memerintah negara ini.

"Kita menjemput parti-parti lain menyertai Kerajaan bukan kerana kita tidak kuat tetapi kita percaya ketenteraman negara yang kita utamakan hanya akan tercapai dengan kerjasama, bukan melalui permusuhan," katanya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan ahli-ahli supaya menepikan sentimen dan emosi semasa mengundi memilih pemimpin mereka.

Setelah dipilih, katanya, ahli-ahli perlu memberi sokongan sepenuhnya kepada pemimpin yang mereka sendiri memilih kerana tanpa sokongan pemimpin akan lemah dan kesannya akan turut dirisai oleh ahli-ahli.